

01 AUG 1997

Penerbangan

LANGKAWI TARIK PERHATIAN DENGAN "FLY-IN 1997"

LANGKAWI, 1 Ogos (Bernama) -- Lebih 60 pesawat daripada 12 syarikat swasta, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Jabatan Penerbangan Awam (DCA), sekolah, persatuan dan kelab penerbangan dalam dan luar negara akan mengambil bahagian pada pameran "Langkawi Fly-In 1997" di sini mulai Isnin ini.

Menurut Pengurus Kanan Le Proton LIMA Sdn Bhd, penganjur pameran itu, Megat Nawawi Megat Hamid hari ini, antara pesawat itu ialah pesawat jenis Cessna, Merlin GT, Zodiac, Piper Seneca 1 dan Eagle X-TS buatan Malaysia dengan komponennya dikeluarkan di Melaka dan dipasang di Australia.

Beliau berkata, "Fly-In `97" selama lima hari itu merupakan tapak memperkenalkan industri penerbangan pesawat ringan dan mikrolight di negara ini.

Pameran itu dijangka dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya Dr Mahathir juga dijangka melepaskan 30 pelajar Kadet Udara Langkawi dari Kelab Rekreasi Udara Langkawi (KRUL) untuk memulakan penerbangan di bawah program "Young Eagles Joy Ride."

Sebanyak 15 hingga 20 pesawat akan digunakan dalam program penerbangan itu setiap hari sepanjang pameran itu.

Katanya mereka adalah antara 200 pelajar daripada lima sekolah menengah di pulau peranginan ini yang akan diberi peluang menyertai program yang membolehkan mereka melihat keindahan Langkawi dari udara.

"Kita susun program seumpama ini untuk golongan remaja bagi memupuk minat mereka dalam industri penerbangan dalam usaha melahirkan lebih ramai juruterbang di negara ini", kata Megat Nawawi.

Beliau berkata kira-kira 2,700 pelajar dari 100 sekolah di Kedah akan menyertai lawatan sambil belajar sepanjang acara itu.

Sementara itu, Timbalan Presiden KRUL, Mansor Haji Ismail kadet udara itu merupakan kumpulan pertama yang ditubuhkan di bawah KRUL yang terdiri daripada anak-anak petani dan nelayan di Langkawi yang akan menjadi pelopor kepada program itu.

Beliau berkata, KRUL akan mempamerkan lima pesawat miliknya -- dua buah MXL sport, masing-masing sebuah GT 500, MX sport II dan Merlin GT. --

BERNAMA

ZI NH NN